

Pelajar UKM juara usahawan muda



Pasukan Mr Junior UKM yang muncul pasukan terbaik Konvensyen 1Malaysia - Young Entrepreneur Challenge (1M-YEC) 2011/2012

[NUR ELLIANAZAKARIA BH]

Oleh Khairina Yasin
kayrina@bharian.com.my

Taruhan projek burger Mr Junior berjaya membawa tuah kepada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) apabila dinobatkan pasukan terbaik pada Konvensyen 1Malaysia - Young Entrepreneur Challenge (1M-YEC) 2011/2012, baru-baru ini.



Membawa visi 1Rumah 1Burger, UKM yang diwakili 10 peserta berjaya mengalahkan empat universiti lain.

Pertandingan akhir berlangsung di kampus Universiti Teknologi Mara (UiTM), Shah Alam.

UKM meraih trofi dan wang tunai RM7,000.

Naib johan disandang pasukan Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Universiti Putra Malaysia (UPM), ketiga. Masing-masing menerima RM5,000 dan RM3,000 berserta trofi.

Anugerah Penasihat Projek Terbaik diraih Thuraiya Zakaria dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPS), Dr Yuhannis Abdul Aziz, UPM, kedua dan Adillah Ismail, Universiti Malaysia Sarawak (Unimas), ketiga.

Universiti Malaya (UM) pula dinobatkan juara Anugerah Booth Terbaik, diikuti Unimas (kedua) manakala johan Anugerah Khas Pelaksana Terbaik diterima UPS, Universiti Teknologi Mara (UiTM), kedua dan ketiga, Universiti Malaysia

Terengganu (UMT).

Jual burger

Presiden 1M-YEC UKM, Muhammad Za'im Mohamad Nor, berkata projek dilaksanakan dengan kerjasama syarikat perusahaan kecil dan sederhana, Mr Junior itu bukan saja mampu meningkatkan pendapatan syarikat, malah memberi peluang kepada peserta membudayakan keusahawanan secara lebih berkesan.

"Kami memilih Mr Junior kerana yakin dengan potensi pengembangan dan usaha bermula dengan menyediakan pelan pelaksanaan merangkumi aspek pemasaran dan jualan, pengurusan operasi, produk dan perkhidmatan serta kewangan.

"Dari aspek pemasaran dan

jualan, kami memanfaatkan media baru seperti Facebook dan YouTube. Antaranya memuat turun video promo Mr Junior dalam YouTube yang berjaya mencapai 700

penonton dalam seminggu.

"Kami turut mencetak risalah dan kain pemidang yang diedarkan ke sekitar Lembah Klang dan Selangor khususnya Bangi selain menyertai Karnival Keusahawanan UKM," katanya.

Katanya, hasil strategi pemasaran yang

berkesan berjaya meningkatkan jualan sehingga 60 peratus dengan nilai RM12,505 pada Jun lalu, manakala pendapatan syarikat meningkat 148 peratus.

Pasaran Bangi

Muhamad Za'im berkata, visi

1Rumah 1Burger menyasarkan setiap isi rumah khususnya di kawasan Bangi kenal dan pernah merasai kenikmatan burger Mr Junior.

"Kami juga merancang membuka cawangan Mr Junior di setiap radius 20 km di kawasan Bangi dan Kajang selain universiti berhampiran.

"Dengan moto 'We Grill For Your Thrill', kami yakin Mr Junior mampu menyaingi jenama burger lain kerana menyediakan banyak pilihan burger segi empat dan patti bersegi," katanya.

1M-YEC dianjurkan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dengan kerjasama Yayasan Sife Malaysia dan Institut Keusahawanan Negara bertujuan memberi peluang kepada peserta menggunakan ilmu dan mengasah bakat keusahawanan.

Pertandingan turut memberi peluang kepada syarikat mikro dan PKS meningkatkan prestasi syarikat selain menyediakan pembelajaran kontekstual kepada mahasiswa.

FAKTA NOMBOR

700
penonton

Penonton dalam
YouTube bagi
promo Mr Junior